Terma dan Syarat Utama	• Dengan menghantar tempahan ini, pembeli bersetuju untuk mematuhi semua terma dan syarat yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) berkaitan dengan pembelian duit syiling peringatan. • BNM berhak menolak sebarang tempahan yang tidak lengkap dan keputusan BNM adalah muktamad. • Hanya tempahan dalam talian yang telah dibayar sepenuhnya akan diproses. Sekiranya jumlah tempahan melebihi kuantiti barangan yang ditawarkan, pemilihan akan dibuat melalui cabutan oleh BNM dan keputusan cabutan BNM adalah muktamad. • Bayaran bagi tempahan yang tidak berjaya akan dikembalikan sepenuhnya kepada pembeli dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja selepas tarikh pengumuman keputusan cabutan. • Penghantaran tempahan yang berjaya akan dilakukan melalui perkhidmatan penghantaran kurier (POS Malaysia). Kos penghantaran adalah tanggungan pembeli sepenuhnya. • Penghantaran hanya akan dibuat pada waktu operasi biasa pejabat. • Pembeli hendaklah memberikan alamat lengkap dan tepat DALAM NEGERI untuk tujuan penghantaran. BNM tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat kegagalan penghantaran akibat maklumat alamat yang tidak lengkap atau tidak tepat. • Penerima hendaklah menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah (MyKad bagi warganegara Malaysia /Pasport bagi bukan warganegara) semasa menerima penghantaran. Penerimaan oleh wakil adalah dibenarkan dengan syarat wakil tersebut mendapat kebenaran bertulis daripada pembeli. Wakil pembeli juga tertakluk kepada pengesahan dokumen pengenalan diri yang sah. • Pembeli bertanggungjawab untuk menjejak status penghantaran melalui laman sesawang rasmi POS Malaysia. • Sekiranya barangan tidak diterima dalam tempoh yang dijadualkan oleh POS Malaysia, pembeli hendaklah membuat laporan berkenaan perkara tersebut terus kepada POS Malaysia dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pengeposan. • Jika selepas laporan dibuat, barangan disahkan hilang semasa penghantaran oleh POS Malaysia, BNM hendaklah memulangkan jumlah penuh yang dibayar oleh pembeli bagi barangan tersebut (tidak termasuk kos penghantaran). BNM tidak bertanggungjawab untuk menggantikan barangan yang hilang dalam bentuk fizikal. • Barangan yang gagal diserahkan oleh POS Malaysia akan dikembalikan kepada BNM. Pembeli akan dimaklumkan melalui e-mel yang berdaftar dengan BNM sebaik sahaja barangan diterima semula oleh BNM. • BNM akan menyimpan barangan yang dikembalikan untuk tempoh maksimum enam (6) bulan dari tarikh penerimaan semula. Pembeli dikehendaki untuk menuntut barangan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh yang dinyatakan dalam e-mel makluman daripada BNM. Urusan tuntutan barangan hendaklah dibuat mengikut maklumat yang disertakan dalam e-mel BNM tersebut. • Sekiranya pembeli gagal untuk menuntut barangan dalam tempoh enam (6) bulan seperti yang dinyatakan di atas, BNM berhak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memulangkan jumlah penuh bagi barangan tersebut kepada pembeli (tidak termasuk kos penghantaran). Lanjutan daripada ini, pembeli tidak boleh membuat apa-apa tuntutan lanjut terhadap barangan tersebut selepas tempoh tersebut tamat. BNM juga berhak untuk melupuskan barangan tersebut mengikut budi bicara mutlaknya. • BNM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kerosakan, atau tuntutan yang timbul akibat pelupusan barangan yang tidak dituntut selepas tempoh simpanan tersebut. • Sekiranya pembeli gagal menuntut barangan dalam tempoh yang ditetapkan, pembeli

	secara mutlak melepaskan sebarang hak milik atau tuntutan terhadap barangan tersebut. BNM tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau tuntutan selepas tempoh enam (6) bulan tersebut berakhir. • Pembeli yang telah menerima barangan dengan selamat perlu merekodkan sebarang kerosakan atau kecacatan pada duit syiling, kapsul, kotak, dan/atau kad dengan membuat rakaman video semasa proses membuka bungkusan barangan tersebut. • Maklumat pembeli yang berkaitan dengan transaksi jual beli barangan ini boleh disimpan dalam sistem bagi tujuan penghantaran, pemulangan bayaran atau penyelesaian apa-apa pertikaian. Penyimpanan maklumat ini adalah tertakluk kepada keperluan operasi dan kawal selia BNM. • BNM berhak untuk meminda mana-mana terma dan syarat tanpa perlu memberikan apa-apa notis terlebih dahulu.

Terma dan Syarat Penghantaran oleh POS Malaysia	**Piawaian Penghantaran** • POS Malaysia akan memastikan barangan yang dihantar sesuai dengan piawaian penghantaran. Walau bagaimanapun, jaminan ini tertakluk pada alamat penerima yang lengkap dan tepat seperti yang tertera di dalam nota pengiriman, dan pada hari bekerja. • POS Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan, kerosakan atau ketidakterimaan barangan yang berlaku setelah penghantaran berjaya dilakukan ke alamat yang diberikan oleh pembeli. **Percubaan Penghantaran** • Nota pemberitahuan akan ditinggalkan sekiranya barangan gagal dihantar semasa percubaan penghantaran pertama. • Percubaan penghantaran kedua akan dilakukan berdasarkan permintaan pembeli, di mana pembeli boleh mengambil sendiri di mana-mana cawangan Pos Laju atau pejabat pos seperti yang dinyatakan dalam nota pemberitahuan. • Barangan akan dikembalikan kepada BNM jika tiada tuntutan atau barangan gagal dihantar dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh percubaan penghantaran pertama. • POS Malaysia tidak akan bertanggung jawab atas sebarang kos kerosakan atau kerugian, bagi penyimpanan barangan semasa tempoh menunggu. **Aduan Kerosakan** • Sebarang kerosakan pada barangan yang dihantar oleh POS Malaysia mesti dilaporkan kepada POS Malaysia dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam setelah menerima barangan tersebut. • POS Malaysia tidak akan melayani sebarang tuntutan yang dikemukakan oleh mana-mana pihak sekiranya aduan atau tuntutan dibuat selepas empat puluh lapan (48) jam penerimaan barangan tersebut. • Barangan yang didakwa rosak di bawah kendalian POS Malaysia mesti dibuktikan secara fizikal semasa mengemukakan aduan untuk tujuan pemeriksaan dan pengesahan oleh POS Malaysia. • POS Malaysia berhak untuk menolak sebarang tuntutan sekiranya pihak yang menuntut gagal membuktikan kerosakan berlaku ketika di bawah kendalian POS Malaysia. • POS Malaysia akan menanggung kos penghantaran kembali barangan yang rosak kepada BNM (jika perlu). Sebaliknya, jika dibuktikan barangan rosak di luar kawalan POS Malaysia, barangan tersebut akan dikembalikan kepada BNM dan caj pos turut akan ditanggung oleh BNM.

Main Terms and Conditions	• *By submitting this order, the buyer agrees to comply with all the terms and conditions set forth Bank Negara Malaysia (BNM) in relation to the buy and sale of the commemorative coins.* • *BNM reserves the right to reject any incomplete orders and all decisions made by BNM are final.* • *Only online orders that are fully paid will be processed. In the event of oversubscription, selection shall be made by way of balloting conducted by BNM and the outcome of the balloting shall be final.* • *Payments for unsuccessful orders shall be refunded in full within fourteen (14) working days from the date of the announcement of the balloting results.* • *Successful orders shall be delivered via courier service (POS Malaysia). All delivery charges shall be borne entirely by the buyer.* • *Deliveries shall be made strictly during normal business hours on working days.* • *The buyer shall provide a complete and accurate DOMESTIC delivery address. BNM shall not be liable if there is any delivery failure resulting from the incomplete or incorrect address details provided by the buyer.* • *The recipient must present valid identification documents (e.g. MyKad for Malaysian citizens/ Passport for non-citizens) upon receiving the delivery. Collection by a representative is permitted, provided that written authorisisation from the buyer is presented. The representative of the buyer shall also be subject to the valid identification documents.* • *The buyer shall be responsible for tracking the delivery status via POS Malaysia's official website.* • *If the item is not reveived within the expected timeframe as stated on POS Malaysia's website, the buyer must lodge a report on the matter directly to POS Malaysia within thirty (30) days from the date of posting.* • *If after the report is lodged, the item is confirmed lost during the delivery by POS Malaysia, BNM shall refund the full amount paid by the buyer for the lost item, excluding delivery charges. BNM shall not be held responsible for replacing the lost item in physical form.* • *Items that cannot be delivered by POS Malaysia to the buyer or their authorised representative shall be returned to BNM. The buyer will be notified via an email registered with BNM once the item is received by BNM.* • *BNM shall keep the returned item for a maximum period of six (6) months from the date of return. The buyer shall claim for the collection of the returned items within the six (6) month period through the official channel stated in the notification email from BNM. The collection must be made in accordance with the information provided by BNM in such email.* • *If the buyer fails to claim the item within the six (6) month period, BNM reserves the right to take the necessary actions to refund to the buyer the full purchase price, excluding delivery charges. Following this, the buyer shall have no further claim to the item after such period. BNM reserves the right to dispose of the item at its sole discretion.* • *BNM shall not be liable for any loss, damage, or claim arising from the disposal of unclaimed items after the expiry of the six (6) month period.* • *If the buyer fails to collect the returned item within the stipulated period, the buyer is considered to have waived his absolute ownership rights or claims to the item. BNM shall not be liable for any loss or claim arising after the expiry of the retention period.* • *Buyer who have successfully received their items must document any observed damage or defects to the coin, capsule, box, and/or card by recording a video during the unboxing process of the item.*

	• *Buyer information related to this buy and sale transaction may be retained in the system for the purposes of delivery, refund, or dispute resolution. The retention of such information shall be subject to the operational and regulatory requirements of BNM.* • *BNM reserves the right to amend any of these terms and conditions at any time without prior notice.*

Delivery Terms and Conditions by POS Malaysia	***Delivery Standard*** • *POS Malaysia shall ensure that all posted items are delivered in accordance with its delivery standards. However, this guarantee is subject to complete and accurate buyer's address as provided in the consignment note, and applies to only deliveries made on working days only.* • *POS Malaysia shall not be liable for any loss, damage or non-receipt of items once delivery has been successfully completed to the address provided by the buyer.* ***Delivery Attempt*** • *A delivery notification shall be issed for orders that are not succesfully delivered during the first attempt.* • *A second delivery attempt may be arranged upon request by the buyer, who may collect the item at any designated Pos Laju outlet or post office as stated in the delivery notification.* • *Orders that remain unclaimed or undelivered within seven (7) days from the date of the first delivery attempt shall be returned to BNM.* • *POS Malaysia shall not be liable for any loss, damage or cost incurred in connection with the storage of orders during the waiting period.* ***Complaints on Damages*** • *Any damage to orders delivered by POS Malaysia must be reported to POS Malaysia within fourty-eight (48) hours from the time of receipt.* • *POS Malaysia shall not entertain any complaints or claims submitted by any party after the expiry of the forty-eight (48) hour reporting window.* • *Any orders alleged to be damaged under the custody of POS Malaysia must be physically presented at the time of complaint for verification and assessment by POS Malaysia.* • *POS Malaysia reserves the right to reject any claims if the claimant fails to provide sufficient evidence that the damage occurred while the order was under POS Malaysia's control.* • *POS Malaysia shall bear the delivery cost for the defective order to BNM (if necessary). However, if the order is proven to be defective due to factors outside POS Malaysia's control, the return postal charges shall be borne by BNM.*